

KHUTBAH KEDUA KHAS BAITUL MAQDIS DISEMBER 2017.

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ،
يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا،

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا * يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِكَ وَرَسُولِكَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ،

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melakukan amal ibadah serta meninggalkan

perbuatan yang keji dan mungkar agar kita semua sentiasa berada dalam pemeliharaan Allah Subhanahu wa Taala.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala

Baitul Maqdis merupakan kota suci ketiga bagi Umat Islam. Setelah dibuka oleh Saidina Umar bin Al-Khattab, kota ini menjadi simbol keamanan sejagat, apabila menjadi tumpuan kepada penganut agama Islam, Kristian dan Yahudi dalam satu kawasan yang sama. Sejarah membuktikan bagaimana manusia berbilang agama dan bangsa boleh hidup dalam aman dan harmoni, tanpa sebarang konflik, di bawah keadilan pemerintahan Islam.

Baru-baru ini Presiden Amerika Syarikat Donald Trump mencabar keamanan di Baitul Maqdis dengan mengisytiharkan Baitul Maqdis sebagai ibu negara Israel. Tindakan ini merupakan satu perkara yang perlu dikutuk, kerana bakal mengundang konflik dan sengketa yang baru dan akan berlarutan, bukan sahaja di Palestin, tetapi di seluruh dunia.

Sebagai seorang Muslim, marilah kita bersama-sama menyatakan kemarahan kita terhadap tindakan tersebut. Jangan biarkan hari ini berlalu, tanpa kita mengambil tahu terhadap kezaliman yang berlaku ke atas bumi Palestin. Bermunajatlah kepada Allah, agar Baitul Maqdis dan Masjid al-Aqsa terpelihara daripada sebarang cubaan rampasan.

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam Surah al-Ma'idah ayat 82:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

❁ لَتَجِدَنَّ أَشَدَّ النَّاسِ عَدَاوَةً لِلَّذِينَ ءَامَنُوا الْيَهُودَ وَالَّذِينَ أَشْرَكُوا

Yang bermaksud: *Demi sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan dapati manusia yang amat keras sekali permusuhannya kepada orang yang beriman ialah orang Yahudi dan orang musyrik.*

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ، يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنِ الْمَبْعُوثِ رَحْمَةً
لِلْعَالَمِينَ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ
وَعُثْمَانَ وَعَلِيًّا وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَارْضَ عَنَّا
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah Ya latif Ya Hafiz, kurniakanlah rahmat dan hidayah kepada kami,
perkokuhkan perpaduan antara kami serta perelokkanlah segala urusan dunia
dan akhirat, tambahkan ilmu yang manfaat, suburkanlah jiwa kami dengan
akhlak yang mulia.

Ya Allah, kurniakan taufik, hidayah, riayah dan inayah, kesejahteraan dan
keselamatan serta keberkatan kepada alim ulama', para pemimpin dan raja-
raja kami, khususnya:

مَوْلَانَا السُّلْطَانَ الْحَاجَّ أَحْمَدَ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ ابْنَ الْمَرْحُومِ السُّلْطَانَ
أَبُو بَكْرٍ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُعْظَمِ شَاهِ وَلِسْمُوِّ وَلِيِّ الْعَهْدِ تَعَكَو عَبْدِ اللَّهِ الْحَاجِّ
ابْنَ السُّلْطَانَ الْحَاجَّ أَحْمَدَ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ الْقَائِمِ بِأَعْمَالِ مَلِكِ فَهَعِ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا فَهَعِ دَارَ الْمَعْمُورِ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيِّبَةً آمِنَةً
مُطْمَئِنَّةً رَاحِيَةً، يَا رَوْوْفُ بِالْعِبَادِ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ وَأَنْصِرْ عِبَادَكَ
الْمُؤَحِّدِينَ

رَبَّنَا أَنْكَ فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

آمين . يا رَبَّ الْعَالَمِينَ

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.